

Hartanah Lembah Klang diunjur susut 30 peratus

Kesan paling teruk dialami projek mewah sekitar KLCC

Oleh Shahrizan Sallian
shahrizan@sharian.com.my

HARGA hartanah di sekitar Lembah Klang dijangka menurun sehingga 30 peratus dalam tempoh tiga bulan akan datang, tempas daripada kejatuhan harga hartanah di pasaran global, kata Pengerusi Eksekutif Rahim & Co, Datuk Abdul Rahim Rahman.

Katanya, kejatuhan terbesar mungkin dialami hartanah mewah yang terletak di sekitar KLCC dengan harga unit kondominium di kawasan berkenaan mungkin merosot antara 25 hingga 30 peratus tidak lama lagi.

Bagi hartanah di lokasi lain di Kuala Lumpur, beliau menjangkakan harganya akan turun sekitar 10 hingga 20 peratus dalam tiga bulan datang.

"Kejatuhan harga yang dijangkakan itu berpunca daripada ekonomi sebenar, bukan kesan krisis gadaai janji seperti yang berlaku di pasaran utama seperti di United Kingdom, Hong Kong dan Singapura," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan ucapan pembukaan pada seminar dianjurkan anak syarikat Rahim & Co, Rahim & Co Research Sdn Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Seminar sehari bertajuk 'Melihat Ke Depan: Cabaran dan Peluang Dalam Pasaran Hartanah Malaysia' itu dianjurkan sebagai maklum balas kepada krisis ekonomi semasa dan potensi kesannya ke atas pasaran hartanah tempatan.

Abdul Rahim menegaskan, pasaran hartanah di Malaysia masih bernasib baik ke-

rana belum berdepan kejatuhan harga yang teruk sehingga 40 peratus seperti yang dilaporkan di Hong Kong dan Singapura.

Bagaimanapun, beliau percaya kesan kejatuhan berkenaan akan tetap merebak ke negara ini, sama ada cepat atau lambat.

"Ia boleh dilihat menerusi hartanah mewah di KLCC yang amat bergantung kepada pembeli asing dan permintaan baginya dilihat semakin merosot sejak akhir ini sehingga pemaju mula menurunkan harganya antara 15 hingga 20 peratus," katanya.

Walaupun harga hartanah di kawasan berkepadatan tinggi lain seperti Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuantan dan Ipoh tidak menunjukkan penurunan pada masa ini, Abdul Rahim berkata, permintaan terhadapnya juga

semakin merosot.

Pada masa sama, katanya, pihak bank turut menjadi lebih berhati-hati dalam memberikan pinjaman kepada pembeli.

"Semua faktor ini menyumbang kepada kelembapan industri hartanah di Malaysia," katanya.

Walaupun harga hartanah kediaman dijangka merosot, beliau berkata, Malaysia bernasib baik kerana pasaran hartanah komersial masih memberangsangkan dengan kadar sewaan tidak jatuh.

"Bagaimanapun, harus diingat akan wujud tambahan lapan juta kaki persegi ruang pejabat ke dalam pasaran hartanah komersial pada 2011 dan 2012, justeru dijangka terdapat arah aliran menurun dalam kadar sewaan walaupun tidak terdapat krisis ekonomi," katanya.



“Bagaimanapun, harus diingat akan wujud tambahan lapan juta kaki persegi ruang pejabat ke dalam pasaran hartanah komersial pada 2011 dan 2012, justeru dijangka terdapat arah aliran menurun dalam kadar sewaan walaupun terdapat krisis ekonomi”

Abdul Rahim Rahman
Pengerusi Eksekutif
Rahim & Co

Industri perabot perlu semak strategi niaga

INDUSTRI perabot perlu menyemak semula strategi perniagaannya serta meningkatkan kekuatan dan kecekapan untuk terus kekal berdaya saing, kata Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Jacob Dungau Sagan.

Katanya, ini termasuk memanfaatkan penggunaan kelas pertengahan atasan yang sanggup membayar harga tinggi untuk membeli produk berkualiti, meskipun dalam suasana krisis ekonomi global sekarang.

Katanya, kerajaan tahun ini akan menyediakan rangsangan bagi industri perabot dengan menganjurkan pelbagai program promosi menerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade).

"Langkah itu bertujuan meningkatkan profil jenama Malaysia di luar negara sebagai cara bertindak balas kepada cabaran dihadapi industri.

"Matrade akan menyertai I-Saloni, pameran perdagangan perabot terkenal di dunia di Milan dari 22 hingga 27 April buat pertama kalinya, tahun ini," katanya pada perasmian Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia (MIFF) 2009 di Kuala Lumpur, semalam.

MIFF 2009 berlangsung dari 3 hingga 7 Mac di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) serta Pusat Pameran dan Konvensyen Matrade (MECC).

Jacob berkata, penyertaan di pameran I-Saloni membolehkan syarikat Malaysia memamerkan reka bentuk dan mempromosi jenama mereka kepada dunia.

Maklumat industri perabot Malaysia juga akan dipromosikan di World Furniture Market Las Vegas 2009, New York Furniture Show, Furniture Accessories Show di Orlando dan IDEX Toronto.

Tahun lalu, katanya, perdagangan perabot bernilai RM10.17 bilion, meningkat tiga peratus.

"Eksport perabot RM8.7 bilion, naik dua peratus," katanya.

Amerika Syarikat adalah pasaran utama eksport perabot Malaysia.

PELUANG PENGAJIAN PERUBATAN, PERGIGIAN & FARMASI

MESIR

Mansoura University
(Program Regular & Mansoura-Manchester [PBL])
Zagazig University | Cairo University | Alexandria University

INDONESIA

Uni. Gadjah Mada | Uni. Airlangga | Uni. Padjadjaran
Uni. Sumatera Utara | Uni. Andalas | Institut Teknologi Bandung

RUSSIA

Russian State Medical University
Moscow Medical Academy * Terletak Kepada Sebarang Perubahan



GLOBAL MEDIC NETWORK

dengan kejasama



HUBUNGI PERUNDING KAMI YANG BERTAULIAH SEKARANG!

KL / SELANGOR

Fairuz Edzuan +6 012 313 0228
Shamsul Bahrin +6 017 223 2123
Dr. Fatimah +6 019 313 2377

PERLIS / KEDAH

Noor Aznil Azim +6 012 639 3059
Munirah +6 012 313 1094
Cikgu Faiz +6 019 457 3122
Siti Fatimah +6 012 313 1298

PAHANG / JOHOR

Ustaz Ridhwan +6 012 313 1374
Cikgu Rosnah +6 017 361 0887
Zamhairee +6 017 250 7050

SABAH / SARAWAK

Rosdy +6 012 689 6987

TERENGGANU / KELANTAN

Ahmad Zulkifli +6 017 983 7879
Dr. Abdul Aziz +6 012 908 5212
Sahrul Alam +6 019 983 0596

P.PINANG / PERAK

Shima Ghazali +6 013 363 1599
Mohd Haizal +6 017 383 1583
Rosina Ghazali +6 016 567 1562
Cikgu Faizal +6 012 556 6247

MELAKA / N. SEMBILAN

Dr. Siti +6 016 653 2225
Mastura +6 012 605 5461
Siti Nora +6 012 691 0341

03 8925 0228

29-2, JALAN 9/30, SEKSYEN 9, 43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR, MALAYSIA. FAKS : +6 03 8925 6229

DAFTAR ONLINE

www.globalnetwork.com.my

PPB Group sedia perbelanjaan modal RM284j

PPB Group Bhd memperuntukkan kira-kira RM284 juta tahun ini sebagai perbelanjaan modal mengembangkan operasi kumpulan dalam pengeluaran tepung, gula, produk kimia, hartanah dan perniagaan berkaitan hiburan serta riadah.

Pengerusinya, Datuk Oh Siew Nam, berkata kira-kira RM173 juta daripada peruntukan itu digunakan untuk mengembangkan perniagaan tepung menerusi anak syarikatnya, FEM Bhd.

Katanya, ini termasuk membina kilang tepung baru di Cilegon, Indonesia dan Kota Kinabalu, Sabah; pembinaan pejabat korporat barunya di Sungai Buloh, Selangor dan gudang baru di Prai, Pulau Pinang.

Beliau berkata, kumpulan juga memperuntukkan kira-kira RM65 juta untuk meningkatkan operasi kilang Malayan Sugar Manufacturing Co Bhd, RM28 juta bagi mengukuhkan operasi PBB Leisure Group untuk membuka panggung wayang baru dan meningkatkan kemuda-

han sedia ada, manakala selebihnya untuk Chemquest Group dan PPB Hartabina Group.

"Sejumlah RM433,000 lagi digunakan untuk membeli kenderaan bermotor dan meningkatkan peralatan mesin di ladang milik kumpulan," katanya pada taklimat media dan penganalisis di Kuala Lumpur, semalam.

PPB Group mencatat keuntungan sebelum cukai RM1.4 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008, berbanding RM563.94 juta pada tahun kewangan sebelumnya.

Pendapatannya meningkat kepada RM3.46 bilion daripada RM2.99 bilion pada 2007 dengan sebahagian besar disumbangkan kenaikan jualan untuk harga tepung kegunaan khusus serta produk makanan haiwan.

Oh berkata, peningkatan keuntungan sebelum cukai itu sebahagian besarnya disumbangkan perniagaan minyak sawit menerusi syarikat sekutu, Wilmar International Ltd.